

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Penghargaan untuk Dr M daripada Belia Perlis

KANGAR, Ahad — Per-tubuhan Belia Pempa-ngunan Negeri Perlis menyampaikan setinggi t a h n i a h dan penghargaan kepada Da-tuk Seri Dr. Mahathir Mohamed yang telah dipilih sebagai Presiden UMNO dan bakal Perda-na Menteri.

T a h n i a h dan penghargaan itu terkan-dung dalam satu usul tergepar yang diterima dengan sebulat suara dalam mesyuarat agung tahunan per-tubuhan tersebut di Ta-pian Gelanggang Tunku Abdul Rahman di sini.

Mesyuarat itu juga merakamkan ucapan penghargaan kepada Da-tuk Hussein Onn kerana jasa-jasanya terhadap rakyat dan negara selama beliau menjadi Perdana Menteri dan juga mengucapkan selamat bersara kepadanya.

Mesyuarat itu kemudi-an memilih semula Penghulu Izhar Hashim menjadi pengerusinya bagi tempoh dua tahun lagi dengan Encik Sharif Mat Saman dan Cik Ramlah Yaakob sebagai naib-naib pengerusi, En-cik Hamid Darus setiausaha dan Encik Azizan Hashim bendahari serta lapan orang ahli jawatankuasa. Bernama.